

MOTIF KESUKARELAWAN REMAJA MUSLIMAH DI TERENGGANU (VOLUNTEERISM MOTIVE OF MUSLIMAH YOUTH IN TERENGGANU)

WAN ASRI WAN AZIZ^{1*}, CHE ZUINA ISMAIL², MOHD FAIZUL IDHAM
ZULKIFLI³, AZMAN CHE MAT⁴

¹Faculty of Business Management, UiTM Terengganu, Dungun, Malaysia

²Akademi Pengajian Islam Kotemporari, UiTM Terengganu, Dungun, Malaysia

³Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UiTM Terengganu, Dungun, Malaysia

⁴Academy of Language Studies, UiTM Terengganu, UiTM Terengganu, Dungun, Malaysia

drwanasri@uitm.edu.my

ABSTRAK

Motivasi dan penglibatan golongan wanita dalam aktiviti kesukarelawan telah lama wujud dalam kalangan masyarakat Islam. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan mengenal pasti faktor motivasi utama yang mempengaruhi penglibatan sukarelawan remaja muslimah Terengganu. Seramai 67 responden daripada 240 dalam kalangan siswi Kor Sispa UiTM dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Data diperolehi dengan menggunakan borang soal selidik yang ditadbir sendiri oleh responden. *Volunteer Functions Inventory (VFI)* telah digunakan untuk mengukur motivasi sukarelawan dan tahap kepuasan dalam aktiviti sukarelawan. Hasil kajian menunjukkan motif utama penglibatan responden dalam aktiviti sukarela adalah motif nilai, diikuti oleh motif pemahaman dan motif kerjaya. Selain itu, kajian turut mendapati tahap motivasi responden adalah tinggi, manakala tahap kepuasan dalam aktiviti kerja sukarela adalah sederhana tinggi. Keputusan analisis regresi menunjukkan antara faktor motivasi yang menyumbang atau signifikan kepada tahap kepuasan sukarelawan ialah motif sosial, motif nilai dan motif peningkatan yang mana nilai Beta (β) masing-masing ialah 0.40, 0.33 dan 0.30 dengan nilai $p < 0.05$. Motif-motif ini menyumbang 67% kepada tahap kepuasan sukarelawan. Kesimpulannya, faktor motivasi sukarelawan iaitu motif sosial, motif nilai dan motif peningkatan untuk terlibat dalam aktiviti sukarela mempunyai hubungan dengan tahap kepuasan dalam aktiviti sukarela dalam kalangan siswa Kor Sispa UiTM. Justeru, untuk meningkatkan tahap kepuasan remaja muslimah dalam aktiviti sukarela, faktor motivasi memainkan peranan yang penting, selain daripada menambahbaik penganjuran aktiviti-aktiviti sukarela di kawasan UiTM.

Kata kunci: Kesukarelawan, Aktiviti Sukarela, Motivasi, Remaja Muslimah, Kor Sispa

ABSTRACT

The motivation and involvement of women in volunteering activities has long existed among the Muslim community. Therefore, this study aims to identify the main motivational factors that influence the involvement of Terengganu Muslim youth volunteers. A total of 67 respondents out of 240 among the students of the UiTM Kor Sispa were selected through the purposive sampling method. Data were obtained using a self-administered questionnaire by the respondents. The Volunteer Functions Inventory (VFI) was used to measure volunteer motivation and level of satisfaction in volunteer activities. The results showed that the main motives of respondents' involvement in voluntary activities were value motives, followed by understanding motives and career motives. In addition, the study also found that the level of motivation of respondents is high, while the level of satisfaction in volunteer work activities is moderately high. The regression analysis results showed that among the motivational factors

that contributed or were significant to the level of volunteer satisfaction were social motives, value motives, and improvement motives where the Beta (β) values were 0.40, 0.33 and 0.30 respectively, with a p value <0.05 . These motives contributed 67% to the level of volunteer satisfaction. In conclusion, volunteer motivation factors, namely social motives, value motives and improvement motives to engage in volunteer activities have a relationship with the level of satisfaction in volunteer activities among UiTM Kor Sipsa students. Thus, to increase the level of satisfaction of young Muslim women in volunteer activities, motivational factors play an important role, apart from improving the organization of volunteer activities in the UiTM area.

Keywords: Volunteerism, Voluntary Activities, Motivation, Muslim Youth, Kor Sipsa

1. Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2005), perkataan “sukarela”, bermakna “dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa-paksa, tidak dikerah dan dengan rela hati”. Manakala perkataan “kesukarelaan” pula membawa makna “sikap sukarela”. Berasaskan makna tersebut, kesukarelaan secara umumnya dapat dimaksudkan sebagai melakukan sesuatu dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa atau dikerah, dengan niat yang ikhlas dan dengan tidak mengharapkan apa-apa pulangan untuk diri sendiri.

Kesukarelawan merupakan suatu ciri atau sifat yang wujud dalam diri kebanyakan individu sejak dari kewujudan tamadun manusia dan pembinaan masyarakat. Ia boleh dijadikan ukuran tentang sifat-sifat kemanusiaan yang terdapat dalam diri individu. Kesukarelawan bukanlah satu fenomena baru dalam masyarakat kerana ia telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat sejak zaman berzaman. Kesukarelawan didorong oleh nilai-nilai budaya, ideologi, prinsip serta tradisi dan memberi impak yang cukup besar dalam kehidupan bermasyarakat. Seterusnya, kesukarelawan memberi implikasi penting terhadap pembinaan negara bangsa yang kuat dan maju. Kerja sukarela menjadi pendorong dalam menghayati, mempertahankan dan memartabatkan demokrasi dalam kehidupan bermasyarakat.

1.2 Konsep sukarelawan dari sudut Islam

Dari sudut pandangan Islam, kesukarelawan bermakna memberi khidmat bakti kepada manusia lain dengan hati yang ikhlas kerana Allah SWT, sentiasa menjaga sahsiah yang baik dan sentiasa memelihara batas-batas syara'. Islam memberikan petunjuk yang amat menggalakkan akan amalan kesukarelaan melalui ayat al-Quran yang merujuk konsep *fastabiqul khairat*, iaitu berlumba-lumbalah berbuat kebajikan. Firman Allah SWT:


يَوْمَنُوكَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُسْرِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١١٤﴾

Maksudnya: “Mereka beriman kepada Allah dan hari penghabisan, mereka menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah yang mungkar dan bersegera kepada (mengerjakan) pelbagai kebajikan, mereka itu termasuk orang yang soleh.” (Surah Ali Imran: 114)

Berdasarkan ayat ini, asas-asas utama yang perlu dititikberatkan dalam kerja-kerja kesukarelawan ialah memelihara hubungan yang rapat dengan Allah SWT (*hablu min Allah*) dan, pada waktu yang sama, memelihara hubungan sesama manusia (*hablu min 'anas*). Islam menekankan peri pentingnya roh pengorbanan (*ruh al-tadhhiyah*) wujud dalam diri seorang muslim dan inginkan balasan pahala di akhirat kelak. Dengan roh ini, seorang muslimkan lebih bersedia untuk membantu dan membela golongan yang terbiar, tertindas dan memerlukan bantuan. Orang yang sanggup berkorban dan melakukan kerja-kerja kesukarelawan dipanggil “sukarelawan” bagi lelaki dan “sukarelawati” bagi perempuan. Namun, dalam konteks penggunaan dan pengamalan harian, apabila disebut “sukarelawan”, iaboleh mewakili sukarelawan lelaki dan juga sukarelawan perempuan.

Manakala sukarelawan Islam pula ialah sukarelawan muslim yang melakukan kerja-kerja kesukarelawan dengan ikhlas kerana Allah SWT, menjaga sahsiah Islam, memelihara batas-batas syara' dan membawa misi dakwah Islam. Pada asasnya untuk menjadi sukarelawan muslim sejati tidak memerlukan kemahiran yang khusus. Apa yang penting ialah niat yang ikhlas kerana Allah SWT, keazaman yang tinggi, komitmen yang kuat dan bersedia untuk belajar. Namun begitu untuk melakukan kerja dan khidmat kesukarelawan yang lebih spesifik, maka seorang sukarelawan tetap memerlukan latihan yang khusus seperti latihan pertolongan cemas dan latihan paramedik.

Persediaan diri yang perlu ada pada sukarelawan juga ialah kesediaan untuk bekerja dan berkhidmat secara berpasukan dengan para sukarelawan yang lain. Ini kerana kerja dan khidmat kesukarelawan yang sukar dan mencabar berkehendakkan kepada kemampuan berkerja secara berpasukan yang tinggi, yang berasaskan iman dan ukhuwah yang padu. Allah SWT telah mempersiapkan pada diri Rasulullah SAW dengan akhlak yang tinggi. Firman-Nya:



Maksudnya: “Dan sesungguhnya kamu benar-benar berakhlak agung.”
(Surah al-Qalam: 4)

Dalam konteks ini, jelas sekali bahawa untuk melakukan sesuatu tugas dan peranan yang penting kepada umum, seseorang itu mestilah mempunyai persiapan yang terbaik dari segi fizikal, mental dan kemahiran. Hal ini amat bermakna untuk memastikan sesuatu tugas dan misi yang dilakukan itu nanti dapat mencapai tahap yang sepatutnya.

1.3 Sejarah penglibatan muslimah

Al-Quran berbicara mengenai para wanita yang solehah dan beriman, mu'minat, muslimat, bahkan menyebut mereka dengan nada yang sama dengan lelaki yang soleh dan beriman. Kaum wanita diharapkan untuk menjalankan kewajipan-kewajipan agama yang sama sebagaimana kewajipan kepada lelaki. Menurut Azzuhri, Muhandis (2013) Allah SWT juga memberikan peluang yang sama kepada wanita dan lelaki untuk mendapat pahala, ampunan dan syurga. Hal ini selari dengan firman Allah SWT dalam al-Quran (Surah al-Ahzab: 35) yang maksudnya:

“Sesungguhnya laki-laki dan perempuan yang muslim, laki-laki dan perempuan yang mukmin, laki-laki dan perempuan yang tetap dalam ketaatannya, laki-laki dan perempuan yang benar, laki-laki dan perempuan yang sabar, laki-laki dan

perempuan yang khusyu', laki-laki dan perempuan yang bersedekah, laki-laki dan perempuan yang berpuasa, laki-laki dan perempuan yang memelihara kehormatannya, laki-laki dan perempuan yang banyak menyebut (nama) Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka ampunan dan pahala yang besar.”

Dalam konteks sukarelawan dakwah dalam kalangan wanita atau muslimah memainkan peranan penting dalam pengembangan dakwah Islamiyyah ke peringkat global. Sukarelawan muslimah perlu memantapkan pengetahuan dan pengkaedahan kerja kesukarelawanan yang tepat supaya mampu menyampaikan kerja amal bakti kesukarelawanan dengan sempurna (Ali, Fatimah, 1996).

Keberanian wanita Islam dalam menyampaikan kerja-kerja kesukarelawan dakwah ini telah lama masyhur seiring dengan dakwah yang dijalankan oleh Rasulullah SAW lagi. Kehebatan ummahatul mukminin (isteri-isteri Rasulullah SAW) dapat dijadikan sebagai contoh dalam memainkan peranan besar menyampaikan dakwah sebagai wanita Islam. (Azyyati MohdNazim, Fariza Md Sham & Salasiah Hanim Hamjah, 2012).

Hal ini juga bertepatan dengan kewajipan menyampaikan dakwah kepada masyarakat sebagaimana firman Allah SAW dalam al-Quran (Surah Ali Imran: 104):

وَلَتَكُنَّ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya: “dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkarayang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji), dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”.

Sukarelawan muslimah yang melaksanakan kerja dakwah juga mempunyai hak yang sama seperti pendakwah lelaki dalam menyempurnakan tugas dakwah kepada masyarakat. Halini kerana wanita berperanan membantu kaum lelaki dalam mencapai dan menjalankan misi dakwah (Nor Hanani Mohd Nor, 2010). Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam al-Quran (Surah al-Taubah,71):

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ
سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Maksudnya: “dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya, mereka itu akan diberi rahmatoleh Allah; Sesungguhnya Allah

Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

Ayat ini turut menyatakan bahawa wanita merupakan penolong bagi kaum lelaki dalam melakukan dakwah dengan menyuruh menyampaikan dakwah amar makruf dan nahi mungkar. Selain itu, mereka juga dilihat memainkan peranan yang besar dalam mendidik masyarakat kerana wanita merupakan ibu kepada anak bangsa dan bertanggungjawab memastikan masyarakat mendapat pendidikan yang sempurna. Peranan wanita yang menjadi asas ialah mendalami ilmu Islam yang secara khusus mengenai mesej dakwah yang disampaikan kepada anak-anak, pelajar dan masyarakat terutama daripada kalangan kaum wanita. Mereka memikul tugas yang besar terutama menjalankan dakwah dalam kalangan wanita supaya bebas daripada ancaman fahaman salah terhadap Islam (Aini Sofia Che Daud & Berhanundin Abdullah, 2018).

Pada awal era Islam, peranan wanita terus diberi perhatian ketika Islam berkembang ke wilayah-wilayah sekitar semenanjung Arab. Menurut Nor, M.R.M. (2011) golongan wanita berperanan mengambil bahagian dalam misi-misi ketenteraan, memainkan peranan penting dalam peristiwa Hijrah Nabi Muhammad SAW, terlibat dalam majlis-majlis ilmu sehinggalah mereka diiktiraf sebagai sumber periwayatan Hadith yang sememangnya mempunyai satu disiplin yang sangat ketat.

1.5. Sukarelawan dan motivasi

Kerja sukarela atau khidmat ialah kegiatan yang dilakukan dengan rela hati, ikhlas, tanpa paksaan dari mana-mana pihak, tanpa mengharapkan balasan atau ganjaran dan memberi manfaat kepada golongan sasaran. Azizan (2003) menyatakan bahawa kerja sukarela adalah merupakan kerja atau aktiviti yang dilakukan oleh individu mahupun kelompok untuk memberikan bantuan serta mendatangkan manfaat kepada individu dan masyarakat tanpa mengharapkan sebarang ganjaran dan dilakukan tanpa ada paksaan daripada mana-mana pihak. Bantuan dan sumbang bakti yang diberikan tidak terhad kepada aspek kewangan sahaja, malahan sumbangan yang berbentuk idea, buah fikiran, kemahiran, kebolehan, tenaga dan pelbagai aspek lain lagi boleh dijana serta dibentuk dalam aktiviti kemasyarakatan. Kesukarelawan merupakan suatu amalan yang mulia kerana ia menitikberatkan nilai-nilai dan prinsip perkongsian, kerjasama dan tolong menolong sesama manusia dalam melaksanakan sesuatu aktiviti atau menangani sesuatu permasalahan. Justeru, kerja sukarela seharusnya menjadi amalan setiap masyarakat masa kini termasuk golongan belia yang menjadi tonggak negara, tidak kira sama ada di bandar mahupun di luar bandar.

Sharififar et al, (2011) menyatakan faktor motivasi adalah penting dalam memupuk minat serta komitmen sukarelawan. Kajian Chacon et al, (2011) terhadap faktor motivasi penting dalam pengurusan program sukarelawan kerana motif adalah penting bagi mengatur strategi dalam menentukan faktor pengambilan, pembahagian tugas, latihan dan sebagainya. Maka, jelaslah bahawa individu yang tinggi tahap motivasi dalam kerja sukarela akan mendorong mereka lebih melibatkan diri dalam kerja sukarela. Motivasi merupakan keadaan dalaman individu yang membangkitkan, mengarah dan bertingkah laku secara berterusan serta mendorong individu untuk terus melakukan perkara yang cuba dilakukan.

Secara keseluruhan, motivasi memberi kesan kepada tahap penglibatan remaja muslimah dalam kerja sukarela dan penyertaan remaja muslimah dalam kerja sukarela dapat memberikan banyak pengalaman yang berguna serta menjadikan remaja muslimah lebih prihatin menghulurkan bantuan kepada individu dan masyarakat. Oleh yang demikian, mengetahui faktor motivasi sukarelawan adalah penting bagi memastikan sesuatu

program itu berlangsung dengan jayanya disamping pelajar mendapat manfaat serta kepuasan diri yang tinggi.

2. Objektif Dan Persoalan Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:-

- i) mengenal pasti tahap motivasi responden dalam aktiviti sukarela
- ii) menentukan hubungan antara motivasi dan tahap kepuasan responden dalam aktivitisukarela.

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:-

- i) Apakah tahap motivasi responden dalam aktiviti sukarela
- ii) Adakah terdapat hubungan antara motivasi dan tahap kepuasan responden dalam aktiviti sukarela.

3. Metodologi Kajian

3.1 Reka bentuk kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian deskriptif yang berbentuk tinjauan. Reka bentuk tinjauan dipilih kerana kajian ini menggunakan soal selidik bagi mengumpulkan data. Data kajian telah dikumpul menerusi kaedah kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik yang telah diubahsuai serta disahkan kebolehpercayanya.

3.2 Populasi dan sampel kajian

Kajian ini menggunakan keseluruhan populasi sebagai responden dan melibatkan siswi Kor Sipa UiTM Terengganu yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 22 tahun. Populasi kajian yang juga responden kajian ini ialah seramai 240 orang. Bagi tujuan kajian ini, seramai 67 orang sukarelawan remaja muslimah dijadikan responden kajian. Sampel dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan iaitu prosedur persampelan dari sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan.

3.3 Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik sebagai alat pengukuran dalam pengumpulan maklumat. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji telah menggunakan instrumen soal selidik *Volunteer function Inventory* (VFI) yang dibina oleh Clary dan Snyder (1999) dan telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian iaitu bagi mengenalpasti motif individu memilih untuk menjadi sukarelawan. Penilaian responden adalah berdasarkan skala Likert 7 mata. VFI mengandungi 30 item yang meliputi enam dimensi fungsi motif iaitu nilai, kerjaya, sosial, pemahaman, peningkatan, dan perlindungan (Jadual 1). Pemarkatan VFI dalam kajian ini adalah berdasarkan skala tujuh pilihan iaitu daripada “tidak penting” (1) kepada “sangat penting” (7).

Motif Kesukarelawan Remaja Muslimah Di Terengganu

Jadual 1: Motif kesukarelaan dalam Volunteer Functions Inventory (VFI)

Motif	Definisi Konsep	Contoh	No soalan
Nilai	Individu menjadi sukarelawan bertujuan untuk menyatakan atau bertindak terhadap nilai-nilai murni dan kemanusiaan.	Saya rasa ianya penting untuk membantu orang lain.	3, 8, 16, 19, 22
Pemahaman	Sukarelawan ingin mengetahui lebih lanjut mengenai keperluansemasa serta kemahiran yang sering digunakan	Aktiviti kerja sukarela mendidik saya menerusi pengalaman yang bersifat praktikal.	12,14,18,25, 30
Peningkatan	Pembangunan serta peningkatan psikologi seseorang diperoleh melalui aktiviti kesukarelaan.	Aktiviti kerja sukarela membuatkan saya rasa lebih baik tentang diri saya.	5, 13, 26, 27, 29
Kerjaya	Sukarelawan mempunyai matlamat mendapatkan kerjayayang berkaitan dengan pengalaman melalui aktiviti kesukarelaan.	Menjadi sukarelawan membolehkan saya meningkatkan peluang bagi kerjaya yang saya sukai	1, 10, 15, 21, 28
Sosial	Kesukarelaan membolehkan individu itu untuk mengukuhkan hubungan sosial.	Kenalan saya berkongsi minat yang sama dalam memberi khidmat masyarakat.	2, 4, 6, 17, 23
Perlindungan	Individu dapat mengurangkan perasaan negatif seperti rasa bersalah dan mengatasi masalah peribadi melalui aktiviti sukarela.	Menjadi sukarelawan adalah satu jalan yang baikuntuk saya melarikan diri daripada segala masalah saya.	7, 9, 11, 20, 24

Sumber: Clary dan Snyder (1999)

4. Hasil Kajian Dan Perbincangan

4.1. Analisis data

Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistic Package for Social Science* (SPSS) versi 24. Statistik deskriptif digunakan untuk pemerihaln latar belakang responden dan pengukuran tahap motivasi sukarelawan dan penglibatan remaja muslimah dikalangan Kor Sipsa UiTM Terengganu dalam kerja sukarela. Sementara analisis inferensi iaitu analisis regresi berganda digunakan untuk menguji hubungan antara faktor motivasi sukarelawan dengan tahap kepuasan remaja muslimah dalam kerja sukarela.

4.2. Analisis deskriptif

4.2.1. Latar belakang Remaja Muslimah

Jadual 2: Maklumat latar belakang responden

Pembolehubah	Jumlah (n)	Peratusan (%)
Jantina		
Perempuan	67	(100)
Umur		
18	1	(1.5)
19	44	(65.7)
20	19	(28.4)
21	2	(3.0)
22	1	(1.5)
Semester		
Dua	53	(79.1)
Tiga	9	(16.4)
Empat	7	(4.5)
Kampus		
Dungun	51	(76.1)
Bukit Besi	9	(13.4)
Chendering	7	(10.4)

Jadual 2 membentangkan maklumat latar belakang responden yang merangkumi jantina, umur, semester dan kampus. Untuk kajian ini 100% adalah responden perempuan yang mewakili remaja muslimah. Majoriti responden berumur antara 18 hingga 20 tahun (94.1%) iaitu yang terdiri daripada pelajar semester dua hingga empat diperingkat umur awal remaja. Dari segi pemilihan kampus, responden remaja muslimah dari kampus Dungun adalah lebih ramai iaitu sebanyak 51 orang (76.1%) berbanding responden dari kampus Bukit Besi seramai 9 orang (13.4%) dan hanya 7 orang (10.4%) dari kampus Chendering.

4.2.2. Motivasi sukarelawan remaja muslimah

Jadual 3: Dimensi motivasi sukarelawan

Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Minimum	Maksimum
Motif Nilai	5.75	0.857	3	7
Motif Pemahaman	5.73	0.832	4	7
Motif Kerjaya	5.66	0.911	4	7
Motif Peningkatan	5.61	1.053	2	7
Motif Sosial	5.51	1.078	3	7
Motif Perlindungan	5.28	1.069	2	7

Jadual 3 memaparkan rumusan analisis deskriptif berkaitan dimensi motivasi sukarelawan dalam kalangan remaja muslimah. Hasil kajian menunjukkan nilai min yang tertinggi motif utama yang mendorong responden untuk terlibat dalam aktiviti sukarela adalah motif nilai (min=5.75, Sisihan Piawai = 0.857) dan motif Pemahaman (min=5.73,

Sisihan Piawai = 0.832). Seterusnya, empat kedudukan motif yang terendah adalah motif kerjaya (min=5.66 Sisihan Piawai = 0.911), motif peningkatan (min=5.61, Sisihan Piawai = 1.053) dan motif sosial (min=5.51, Sisihan Piawai = 1.078) dan yang terakhir adalah motif perlindungan (min=5.28, Sisihan Piawai = 1.069).

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa motif utama remaja muslimah yang dikaji terlibat dengan aktiviti sukarela dalam kajian ini menunjukkan bahawa motif nilai menjadi motif terpenting bagi remaja muslimah untuk terlibat dalam aktiviti sukarela. Ini membuktikan kebanyakan sukarelawan melibatkan diri kerana ingin mempelajari sesuatu serta sikap dan nilai-nilai murni yang wujud dalam diri mereka. Hal ini boleh dikaitkan dengan altruistik dan kemanusiaan yang begitu prihatin terhadap orang lain serta sikap dan nilai-nilai murni yang telah tertanam dalam diri responden. Zaliha dan Mohd Ramlan (2012) turut mendapati sikap altruistik merupakan faktor yang memotivasikan golongan belia supaya terlibat dalam aktiviti sukarela. Selain itu, dimensi motif pemahaman merupakan motif kedua terpenting dikalangan remaja muslimah untuk mereka mendapatkan peluang pengalaman pembelajaran yang baru dan melatih menggunakan pengetahuan, kemahiran dan kemampuan yang jarang diamalkan. Selain itu, dimensi motif pemahaman juga adalah proses pembelajaran jangka panjang dan sering menjadi faktor individu melibatkan diri dalam kesukarelawan. Oleh itu, hasil kajian ini selari dengan dapatan oleh Nur Raihan dan Azizan (2013) dan juga kajian oleh Mihai (2014) yang mendapati motif pemahaman dan motif nilai adalah antara faktor motivasi tertinggi yang mendorong responden terlibat dalam aktiviti sukarela.

Selain itu, kajian mendapati motif perlindungan adalah motif terendah yang berperanan sebagai penggerak kepada remaja muslimah untuk terlibat dalam aktiviti sukarela. Motif perlindungan ini menunjukkan bahawa individu menyertai aktiviti sukarela hanya untuk mengatasi masalah peribadi mereka, melindungi ego daripada ciri-ciri negatif diri serta mengurangkan perasaan negatif seperti rasa bersalah. Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan oleh Clary dan Synder (1999) dan Mihai (2014).

Jadual 4: Tahap motivasi sukarelawan

Dimensi	Bilangan (Peratusan)		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
Motif Nilai	1 (2%)	25 (37%)	41 (61%)
Motif Pemahaman	0 (0%)	29 (43%)	38 (57%)
Motif Peningkatan	1 (2%)	29 (43%)	37 (55%)
Motif Kerjaya	0 (0%)	30 (45%)	37 (55%)
Motif Sosial	5 (8%)	25 (37%)	37 (55%)
Motif Perlindungan	5 (8%)	31 (46%)	31 (46%)

Seterusnya, Jadual 4 di bawah memaparkan tahap motivasi remaja muslimah untuk terlibat dalam aktiviti sukarela mengikut dimensi. Majoriti responden mempunyai tahap motivasi yang tinggi pada hampir kesemua motif iaitu motif nilai (61%), motif pemahaman (57%), motif peningkatan (55%) dan motif kerjaya (55%), motif sosial (55%), sebaliknya, motif perlindungan menunjukkan tahap yang sederhana (46%).

Jadual 5: Analisis Regresi Berganda Pengaruh Faktor Motivasi Terhadap Tahap Kepuasan Sukarelawan

Pemboleh Ubah Bersandar: Tahap Kepuasan Sukarelawan			
Pemboleh Ubah:	Beta (β)	Nilai-t	Sig
Faktor motivasi:			
Motif Kerjaya	0.06	0.48	0.64
Motif Sosial	0.40	3.46	0.00
Motif Nilai	0.33	2.67	0.00
Motif Pemahaman	0.14	1.22	0.23
Motif Perlindungan	0.08	0.56	0.59
Motif Peningkatan	0.30	2.53	0.00
Nilai R²			0.67
Nilai F			14.09
Sig			0.00

Berdasarkan Jadual 5, analisis regresi berganda dijalankan terhadap setiap faktor motivasi sukarelawan. Bagi menjawab persoalan antara faktor motivasi yang paling menyumbang kepada tahap kepuasan sukarelawan, nilai Beta (β) yang paling tinggi perlu dilihat. Secara umum, semua faktor motivasi menjadi penyumbang kepada tahap kepuasan sukarelawan yang mana nilai statistik F iaitu 0.00 lebih kecil daripada 0.05 yang menunjukkan ianya juga adalah signifikan. Hasil analisis menunjukkan antara faktor motivasi yang menyumbang atau signifikan kepada tahap kepuasan sukarelawan ialah motif sosial, nilai dan peningkatan yang mana nilai Beta (β) masing-masing ialah 0.40, 0.33 dan 0.30. dengan nilai $p < 0.05$. Motif- motif ini menyumbang 67% kepada tahap kepuasan sukarelawan. Ini secara signifikan hanya tiga daripada enam pemboleh ubah peramal (Predictor) iaitu motif sosial ($\beta = .40, p < 0.05$), motif ($\beta = .33, p < 0.05$) dan motif ($\beta = .30, p < 0.05$) dimasukkan ke dalam model regresi pada $p < 0.05$. Ini menunjukkan bahawa terdapat tiga pemboleh ubah peramal merupakan penyumbang utama kepada tahap kepuasan sukarelawan iaitu motif sosial, nilai dan peningkatan. Sebaliknya faktor motivasi sukarelawan yang lain didapati bukan faktor peramal kepada tahap kepuasan sukarelawan dimana semua faktor menunjukkan nilai $p > 0.05$. Motif sosial, nilai dan peningkatan merupakan faktor motivasi utama menyumbang kepada tahap kepuasan sukarelawan dengan pernyataan bahawa peningkatan 1% dalam faktor sosial nilai dan peningkatan dapat meningkatkan 40% dalam tahap kepuasan sukarelawan.

5. Rumusan

Pada zaman Rasulullah SAW, didapati kedudukan wanita Islam sangat terpuji dan berperanan menerusi khidmat sosial mereka kepada masyarakat. Pelbagai bidang lapangan kesukarelawan seperti pendidikan, dakwah dan melibatkan diri dalam projek kemahiran sesuai dengan kemahuan dan keperluan masyarakat ketika itu. Mereka bergiat tanpa mengabaikan perintah dan larangan dan menjadikan ajaran dari Rasulullah SAW sebagai tatacara kehidupan. Sehingga ke zaman khūlafa' tradisi muslimah telah memberi sinar dan inspirasi kepada perkembangan peradaban dan tamadun ummah. Justeru itu, berdasarkan hasil kajian ini memberikan gambaran tentang motif kesukarelawan remaja muslimah dalam aktiviti sukarela dan hubungannya dengan faktor motivasi yang berperanan sebagai pendorong untuk remaja muslimah terlibat dalam aktiviti sukarela. Umumnya, remaja muslimah di kalangan siswi Kor Sispa UiTM Terengganu telah mendapat pendedahan

mengenai kerja sukarela walaupun secara tidak formal dan tidak meluas. Seterusnya, kajian mendapati remaja muslimah di kalangan siswi Kor Sisa UiTM yang dikaji mempunyai tahap motivasi yang tinggi terhadap kesukarelawan. Motif utama yang mendorong mereka terlibat dengan aktiviti sukarela adalah motif nilai, pemahaman dan kerjaya. Ketiga-tiga motif tersebut adalah untuk kepentingan bersama. Oleh itu, pengurusan Kor Sisa UiTM yang terlibat secara langsung dengan aktiviti sukarelawan perlu menggalakkan lebih ramai siswi remaja muslimah UiTM untuk menyertai program sukarela selari dengan hasrat kerajaan dalam membudayakan kerja sukarela. Tahap motivasi yang tinggi dalam kalangan siswi remaja muslimah UiTM juga perlu dilihat sebagai satu kelebihan atau aset untuk melahirkan lebih ramai lagi sukarelawan dalam kalangan siswi UiTM. Kajian ini turut mendapati keenam-enam motif yang dikaji iaitu hanya tiga motif iaitu motif nilai, sosial dan peningkatan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kepuasan remaja muslimah dalam aktiviti sukarela. Justeru, untuk meningkatkan tahap kepuasan siswi UiTM dalam aktiviti sukarela, maka motivasi memainkan peranan yang sangat penting dan perlu dipertingkatkan dalam diri remaja muslimah dari semasa ke semasa. Selain itu, terdapat banyak faktor luaran yang boleh menyumbang kepada motivasi remaja muslimah dalam aktiviti sukarela, namun motivasi adalah aspek penting sebagai pendorong atau penggalak kepada sesuatu tingkah laku termasuk penyertaan remaja muslimah dalam aktiviti sukarela. Justeru itu, antara tanggungjawab yang besar bagi pihak pengurusan Universiti untuk bekerja bersungguh-sungguh dan mengembleng sifat kreativiti bagi mewujudkan wasilah dan suasana tarbiah yang sesuai untuk mendidik para sukarelawan dikalangan remaja muslimah ke arah mencapai kemuliaan akhlak yang komprehensif.

Rujukan

- Al-Allawi, Muhammad Ali (2006). *The Great Women*, Terj. El-Hadi Muhammad. Jakarta: Pena Pundi Aksara
- Al-Fanjari, Ahmad Syaqui (2010). *Rufaidah: Kisah Perawat Wanita Pertama dalam Sejarah Islam*, Terj. M. Halabi Hamdy. Yogyakarta: Navila
- Al-Halwani, Abu Firdaus (1996). *Wanita-Wanita Pendamping Rasulullah SAW*. Yogyakarta: Al Mahalli Press
- Ali, Fatimah (1996). *Pandangan Islam Terhadap Wanita Bekerja*. *Jurnal Usuluddin*, p. 157- 190,
- Al-Mishri, Syaikh Mahmud (2016). *Sirah Shahabiyah*, Terj. M. A. Imran Anhar. Jakarta: Pustaka As-Sunnah
- Aini Sofia Che Daud & Berhanudin Abdullah (2018). *Peranan Wanita Islam Dalam Menyampaikan Mesej Dakwah Kepada Masyarakat Menurut Perspektif Al-Quran*, Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari 2018 15-16 September 2018. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Ansori, Muhammad Gilang (2018) *Peranan wanita sahabat Rasulullah SAW dalam perang Uhud Tahun 3 H / 625 M*. Undergraduate thesis, UIN Sunan Ampel Surabaya. <http://digilib.uinsby.ac.id/id/eprint/28435> , capaian 23 Mei 2019.
- Azizan Bahari (2003). *Menghayati kerja sukarela*. Petaling jaya, Selangor: Qarya Sdn Bhd. Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md Sham & Salasia Hanim Hamjah. (2012). *Khidmat Sosial Wanita Pada Zaman Rasulullah SAW*. *Jurnal Al-Hikmah* 4 (37-49).
- Azzuhri, Muhandis (2013). *Perempuan-Perempuan Pejuang Hak-Hak Feminis Dalam Alquran*. MUWAZAH, v.4,n.2, <http://e-journal.iainpekalongan.ac.id/index.php/Muwazah/article/view/158> , capaian 26 Mei 2019.
- Chacon, F., Perez, T., Flores, J., & Vecina, L.M. (2011). *Motives For Volunteering: Categorization Of Volunteers' Motivations Using Open-ended Questions*. *Psychology In Spain*, 15(1), 48-56
- Clary, E. G., & Snyder, M. (1999). *The motivations to volunteer: Theoretical and practical considerations*. *Current Directions in Psychological Science*, 8, 156-159.
- Kamus Dewan (2005). *Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur*
- Mihai, E. C. (2014). *The Motivation of Romanian Volunteers: values and implications*. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 127, 616-620.
- Nor Hanani Mohd Nor (2010). *Peranan Wanita Dalam Dakwah Mengikut Perspektif Al- Quran: Kajian Surah Ali 'Imran*. Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

- Nor, M.R.M. (2011). Menangani cabaran umat Islam era moden. *Journal of Al-Tamaddun*, 6. pp. 107-121, <http://umrefjournal.um.edu.my/publish/JAT/Aabout> , capaian 26 Mei 2019.
- Nur Raihan Che Nawi & Azizan Asmuni (2013). Motivasi sukarelawan terhadap penglibatan dalam kerja sukarela di yayasan salam malaysia.
- Sharififar, F., Jamalian, Z., Nikbakhsh, R., Ramezani, Z.N. (2011). Influence of social factors and motives on commitment of sport events volunteers. *World Academy of Science, Engineering and Technology* 77: 1078-1082
- Sri Handayani (2016). "Rufaidah binti Sa'ad al-Anshari Pelopor Perawatan Para Mujahid", dalam <https://republika.co.id/berita/koran/dialog-jumat/16/02/12/o2f1s521-rufaidah-binti-saad-alansharipelopor-perawatan-para-mujahid> , capaian 23 Mei 2019.
- Zaliha Hj Hussin & Mohd Ramlan Mohd Arshad (2012). Altruism as Motivational Factors toward Volunteerism among Youth in Petaling Jaya Selangor. Universiti Teknologi MARA.